



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 23 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	CABUL BUDAK DI MASJID: JKM SAHKAN SUSPEK ADA KAD OKU SEJAK KECIL		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1364368/cabul-budak-di-masjid-jkm-sahkan-suspek-ada-kad-oku-sejak-kecil	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/22/status-oku-remaja-sentuh-kanak-kanak-perempuan-belum-disahkan-jkm/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/02/1189788/suspek-cabul-di-masjid-miliki-kad-oku-masalah-pembelajaran-jkm	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/105175/jkm-suspect-in-sexual-assault-incident-at-mosque-has-oku-card	THEVIBES.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1189779/kes-cabul-dalam-masjid-polis-tunggu-pengesahan-oku-suspek	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/suspek-lelaki-cabul-kanak-kanak-ada-kad-oku-masalah-pembelajaran/	UTUSAN.COM.MY	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/02/22/jkm-sahkan-suspek-cabul-budak-di-masjid-pemegang-kad-oku-sejak-kecil	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.xtra.com.my/kes-cabul-kanak-kanak-di-masjid-jkm-sahkan-suspek-pemegang-kad-oku-sejak-kecil/	XTRA.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/02/22/suspek-cabul-kanak-kanak-perempuan-di-masjid-miliki-kad-oku---jkm	MSTAR.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/22/suspek-cabul-pemegang-kad-oku-pembelajaran-sejak-kecil-jkm/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/714119/berita/semasa/suspek-cabul-kanak-kanak-di-masjid-miliki-kad-oku-sejak-kecil---jkm	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/22/suspect-holds-learning-disability-card-says-welfare-dept-on-child-molestation-case-at-mosque	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KANAK-KANAK OKU DIDERA, JKM SAHKAN OPERASI TASKA TIDAK IKUT PERATURAN		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-oku-didera-jkm-sahkan-operasi-taska-tidak-ikut-peraturan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/22/kanak-kanak-autistik-didera-jkm-keluar-notis-larangan-operasi-tadika/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/22/taska-disyaki-dera-budak-autistik-diarah-henti-operasi/	FREEMALAYSITODAY.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/jkm-panggil-pengusaha-tadika-selepas-didakwa-dera-kanak-kanak-oku/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2395277	BERNAMA.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/02/22/kes-dera-budak-autisme-jkm-keluar-notis-larangan-beroperasi-taska-di-shah-alam	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1364480/jkm-keluar-notis-larangan-operasi-tadika-disyaki-dera-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-oku-didera-taska-didapati-beroperasi-tidak-ikut-peraturan-509716	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/22/budak-autistik-didera-taska-didapati-langgar-peraturan-operasi-jkm/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/suspected-child-abuse-kindergarten-operated-illegally-jkm-FH13721985	THESUN.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=vBmiG7j-7Zk	YOUTUBE	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/02/22/kindy-found-to-be-flouting-rules-says-social-welfare-dept/	FREEMALAYSITODAY.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/22/shah-alam-kindergarten-involved-in-child-abuse-allegations-operated-without-proper-authorisation-says-social-welfare-dept/167615	MALAYMAIL.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1364425/kanak-kanak-oku-didera-taska-beroperasi-tidak-ikut-peraturan	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	LELAKI CABUL KANAK-KANAK DI MASJID BATANG KALI DIREMAN SEMINGGU		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/22/lelaki-cabul-kanak-kanak-di-masjid-batang-kali-direman-seminggu/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1189752/suspek-cabul-kanak-kanak-di-masjid-direman-seminggu	HMETRO.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/735331	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/714092/berita/semasa/suspek-cabul-kanak-kanak-di-masjid-direman-tujuh-hari	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1364360/kes-cabul-di-masjid-suspek-remaja-direman-seminggu-bantu-siasatan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/22/teen-remanded-for-seven-days-over-alleged-sexual-assault-at-batang-kali-mosque-says-selangor-police-chief/167578	MALAYMAIL.COM	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2395240	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suspek-cabul-kanakkanak-di-masjid-direman-tujuh-hari-509699	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/22/suspek-cabul-budak-di-masjid-direman-seminggu/	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/02/22/suspek-cabul-kanak-kanak-di-masjid-direman-seminggu	MSTAR.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/105172/police-teenager-remanded-for-seven-days-for-attempted-molestation-at-mosque	THEVIBES.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/22/suspect-in-child-rape-attempt-at-mosque-remanded-seven-days-say-cops	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MORE FLOOD VICTIMS IN PAHANG		NEGATIF
	https://thesun.my/malaysia-news/more-flood-victims-in-pahang-FH13720630	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KERAJAAN PERAK BERI SUBSIDI IVF RM4,000 BANTU PASANGAN DAPAT ANAK		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/22/kerajaan-perak-beri-subsidi-ivf-rm4000-bantu-pasangan-dapat-anak/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/subsidi-khas-bantu-150-pasangan-jalani-ivf-dapatkan-anak/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	WANITA DAYAK DIBERI TUMPUAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI		POSITIF
	https://suarasarawak.my/wanita-dayak-diberi-tumpuan-dalam-pembangunan-ekonomi/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	SEDIAKAN TEMPAT SELAMAT UNTUK WANITA, BUKAN HALANG KELUAR RUMAH – ANFAAL		POSITIF
	https://malaysiagazette.com/2025/02/22/sediakan-tempat-selamat-untuk-wanita-bukan-halang-keluar-rumah-anfaal/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BERANG DIMINTA CERAI, LELAKI CEKIK ANAK, UGUT PUKUL ISTERI		NEGATIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/22/berang-diminta-cerai-lelaki-cekik-anak-ugut-pukul-isteri/	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/22/lelaki-cederakan-anak-dan-ugut-isteri-ditahan	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cabul budak di masjid: JKM sahkan suspek ada kad OKU sejak kecil

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi - Februari 22, 2025 @ 1:45pm
mhafis@mediaprima.com.my



Keratan berita disiarkan BH Online

HULU SELANGOR: Lelaki berusia 19 tahun yang ditahan berhubung kes cabul seorang kanak-kanak perempuan ketika mangsa sedang menunaikan solat subuh di sebuah masjid di Batang Kali di sini, semalam, memiliki kad Orang Kurang Upaya (OKU) masalah pembelajaran.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Azmir Kassim, ketika mengesahkan perkara itu berkata hasil pemeriksaan dan semakan oleh pihaknya mendapati individu terbabit mempunyai kad OKU sejak kecil.

"Hasil pemeriksaan kita mendapati dia (suspek) mempunyai kad OKU 'Learning Disability' (masalah pembelajaran) sejak kecil lagi," katanya ketika dihubungi Harian Metro, hari ini.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan polis menunggu pengesahan JKM berhubung kad OKU milik lelaki berusia 19 tahun yang ditahan berhubung kes cabul itu.



Lelaki berusia 19 tahun dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Kubu Bharu untuk mendapatkan perintah reman susulan kes mencabul sorang kanak-kanak perempuan di masjid. - Foto NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, dipetik berkata memang ada ditemui kad OKU itu tetapi ia perlu mendapat pengesahan daripada JKM terlebih dulu.

Lelaki itu direman selama tujuh hari bermula hari ini hingga 28 Februari bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Majistret Nurul Izzah Hasan Basri.

Sebelum ini, polis menerima laporan pada jam 8.19 pagi semalam berhubung kejadian itu yang turut tular dalam media sosial, sebelum suspek ditahan pada hari sama di sekitar Batang Kali.

Kejadian dilaporkan berlaku ketika mangsa sedang menunaikan solat di saf belakang ruang solat wanita di masjid terbabit.

Rakaman video kamera litar tertutup (CCTV) yang tular memaparkan seorang lelaki berkopiah putih menyelip masuk ke ruang solat wanita sebelum memeluk seorang kanak-kanak perempuan yang sedang sujud, dari arah belakang tanpa disedari jemaah lain.

Berdasarkan rakaman itu, lelaki terbabit dilihat mengangkat mangsa dan membawanya ke ruangan lain sebelum dipercayai dicabul. Bagaimanapun, mangsa dapat melepaskan diri selepas bergelut dengan suspek.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : OPERASI TASKA TIDAK IKUT PERATURAN

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 23 FEB 2025

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Putrajaya: Taman asuhan kanak-kanak (taska) yang terpalit kes seorang kanak-kanak autistik berusia enam tahun disyaki didera di Shah Alam, Selangor didapati beroperasi tidak mengikut peraturan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memaklumkan dalam kenyataan bahawa pemeriksaan awal mendapati premis terbabit didaftarkan sebagai tadika dan tidak dibenarkan beroperasi sebagai taska serta

menerima kanak-kanak berumur empat tahun ke bawah

"JKM sudah mengeluarkan notis larangan beroperasi kepada pengusaha tadika itu kerana kesalahan mengikut Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak.

"Pihak JKJ juga telah

meminta pengusaha tadika itu untuk hadir ke pejabat JKJ Negeri Selangor bagi

mendapatkan maklumat susulan berkaitan kes

ini," menurut kenyataan itu di sini, semalam.

Menurut JKJ, kes dirujuk kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk tindakan selanjutnya.

JKJ mengeluarkan

kenyataan itu susulan siasatan terhadap aduan yang dibuat ibu bapa seorang kanak-kanak autistik yang mendakwa anak mereka didera di premis terbabit.

Kelmarin, Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim mengesahkan me-

nerima laporan dan menjalankan siasatan berhubung kes itu.

Beliau berkata, laporan mengenai kejadian itu dibuat oleh ibu mangsa pada jam 11.18 pagi, 16 Januari lalu, yang memaklumkan bahawa suaminya menemukan kesan kemerahan di belakang badan serta bawah mata kanan mangsa.

Siasatan polis dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001. - Bernama

KANAK-KANAK AUTISTIK DISYAKI DIDERA

Operasi taska tidak ikut peraturan

Kes dirujuk kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk tindakan selanjutnya

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : REMAJA OKU CUBA CABUL BUDAK DIREMAN SEMINGGU

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 23 FEB 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



Remaja OKU dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Kubu Bharu untuk dapatkan perintah reman susulan kes mencabul kanak-kanak perempuan di Batang Kali, Selangor. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Remaja OKU cuba cabul budak direman seminggu

Kuala Lumpur: Seorang remaja lelaki OKU yang disyaki terabit dalam kes cubaan mencabul seorang kanak-kanak perempuan di masjid di Batang Kali, Selangor kelmarin, direman seminggu bermula semalam.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata tempoh tahanan reman terhadap lelaki tempatan berumur 19 tahun itu diperolehi di Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu pagi semalam.

"Siasatan awal mendapati lelaki terabit tidak mengenali mangsa," katanya ketika dihubungi di sini, semalam dan me-

maklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Rakaman CCTV tular

Kelmarin tular rakaman kamera litar tertutup (CCTV) memaparkan seorang lelaki berkopiiah putih menyelip masuk ke ruang solat wanita sebelum meluk seorang kanak-kanak dari belakang ketika sedang bersujud dan melarikan mangsa tanpa disedari jemaah lain.

Lelaki itu juga bergelut untuk cuba mencabul mangsa sebelum melarikan diri selepas mangsa

bertindak melawan.

Susulan kejadian itu, lelaki terabit ditahan di kediamannya kira-kira satu kilometer dari masjid terabit.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Azmir Kassim ketika dihubungi berkata semakan mendapati lelaki terabit memiliki kad OKU kerana mengalami masalah pembelajaran.

"Hasil pemeriksaan kita mendapati lelaki itu memang mempunyai kad OKU masalah pembelajaran sejak kecil lagi," katanya. **BERNAMA**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SUSPEK DIREMAN 7 HARI ADA KAD OKU

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 23 FEB 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



SUSPEK yang dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Kubu Bharu direman selama tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

CABUL BUDAK PEREMPUAN DALAM MASJID

Suspek direman 7 hari ada kad OKU

Hulu Selangor: Semakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapati lelaki berusia 19 tahun yang ditahan berhubung kes cabul kanak-kanak di sebuah masjid di Batang Kali di sini memiliki kad orang kurang upaya (OKU) masalah pembelajaran. Pengarah JK M Selangor,

Azmir Kassim berkata, hasil pemeriksaan dan semakan dijalankan mendapati individu terbabit memang mempunyai kad OKU sejak kecil lagi.

"Hasil pemeriksaan kita dapati dia (suspek) mempunyai kad OKU *Learning Disability* (masalah pembelajaran) sejak kecil lagi,"

katanya, semalam.

Terdahulu Harian Metro melaporkan polis menunggu pengesahan JK M berhubung kad OKU milik lelaki berusia 19 tahun yang ditahan berhubung kes cabul kanak-kanak di sebuah masjid di Batang Kali.

Ketua Polis Selangor, Da-

tuk Hussein Omar Khan dilaporkan berkata, memang ada ditemui kad OKU itu namun ia perlu pengesahan.

Lelaki itu direman selama tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes cabul kanak-kanak perempuan berkenaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : YOUTH HELD IN MOSQUE SEXUAL ASSAULT CASE HOLD OKU CARD

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 23 FEB 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



Datuk Hussein Omar Khan

SEVEN-DAY REMAND

Youth held in mosque sexual assault case holds OKU card

KUALA LUMPUR: The 19-year-old youth arrested for the sexual assault of a girl at a mosque in Selangor, an incident captured in a viral clip, holds a person with disabilities (OKU) card for a learning disability.

Selangor Welfare Department director Azmir Kassim confirmed this, saying checks revealed that the suspect had been registered as an OKU since childhood.

"We found that he (the suspect) has had an OKU card for a learning disability since he was young," he said.

Meanwhile, Selangor police chief Datuk Hussein Omar Khan said yesterday initial investigations showed that the suspect did not know the victim.

He also said the suspect has been remanded for seven days to assist in investigations into the case.

Hussein said the remand order was granted by the Kuala Kubu Baru Sessions Court yesterday.

"Preliminary investigations found that the man did not know the victim," he said.

The case is being investigated under Section 14 of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

A closed-circuit television camera footage went viral on Friday, showing a man wearing a white skullcap sneaking into the women's prayer area.

He had approached a child from behind while she was prostrating, hugged her and then carried her away unnoticed.

The man was seen struggling as he attempted to assault the victim.

He fled after she resisted.

The man was arrested at his home, about a kilometre from the mosque, around 10am on Friday.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	SEX ASSAULT SUSPECT IN MOSQUE SAID TO BE AN OKU		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	SUNDAY STAR
TARIKH :	23 FEB 2025	M/SURAT :	09
TONE :	BEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

Sex assault suspect in mosque said to be an OKU

KUALA LUMPUR: A teenager, who allegedly sexually assaulted a girl at a mosque in Batang Kali, Selangor, has learning disabilities and police have been granted a week to remand him.

Selangor police chief Comm Datuk Hussein Omar Khan said the remand order on the 19-year-old suspect was granted at the Kuala Kubu Baru Sessions Court yesterday.

“Preliminary investigations found that the suspect did not know the victim,” he said when contacted by Bernama.

The case is being investigated under Section 14 of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

On Friday, a CCTV footage went viral, showing a person wearing a white skullcap sneaking into the women’s prayer area.

He approached a child from behind while she was prostrating and hugged her before carrying her away without being noticed by the other worshippers.

The man is seen struggling as he attempted to assault the victim. He fled when the victim resisted.

The suspect was arrested at his home, about 1km from the mosque, at 10am on Friday.

Meanwhile, Selangor Welfare Department director Azmir Kassim, when contacted, said the suspect has an OKU (persons with disabilities) card.

“We found that he did indeed have an OKU Learning Disability card since he was a child,” he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



More flood victims in Pahang

BERNAMA

22-02- 2025 02:44 PM



Pix for representational purpose only - BERNAMApix

KUANTAN: The number of flood victims evacuated in Pahang has increased to 236 people from 74 families as of 1 pm today, compared to 209 victims last night.

According to the InfoBencana portal of the Social Welfare Department (JKM), all victims have been placed at the Temporary Relief Centre (PPS) at Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Semantan, Temerloh, since Thursday.

When contacted, Pahang Civil Defence Force Director, Col (PA) Che Adam A Rahman, said that the flooding in Kampung Batu Kapor was caused by water overflow from Sungai Semantan, submerging 73 houses.

"The weather conditions today have improved, and the water level of Sungai Semantan has returned to normal. If this trend continues, the victims may be allowed to return home soon," he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan Perak beri subsidi IVF RM4,000 bantu pasangan dapat anak

Oleh FADZIL ZAINOL 22 Februari 2025, 5:59 pm



Saarani (dua dari kanan) pada Majlis Perasmian Pusat Pakar Rawatan Kesuburan Metro IVF Ipoh hari ini. - Foto oleh MUHAMAD NAZREEN SHAH MUSTHAFA

IPOH – Kerajaan negeri memperuntukkan subsidi khas berjumlah RM600,000 buat 150 pasangan warga Perak yang mengalami masalah ketidaksuburan untuk memiliki cahaya mata menjalani rawatan persenyawaan in vitro (IVF)

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, subsidi khas menerusi program Permata Perak dengan subsidi sebanyak RM4,000 bagi setiap pasangan tersebut boleh membantu meningkatkan kadar kelahiran di negeri ini.

“Saya dimaklumkan kaedah ini mampu meningkatkan kadar kejayaan sehingga 40-50 peratus bergantung kepada keadaan kesihatan dan faktor individu pasangan yang menerima rawatan,” katanya pada majlis perasmian Pusat Pakar Rawatan Kesuburan Metro IVF Ipoh di sini hari ini.

Saarani berkata, kos rawatan kesuburan tidak murah seperti kos IVF di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dianggarkan antara RM8,000 hingga RM12,000, manakala di pusat rawatan swasta boleh mencecah RM18,000 bagi satu kitaran.

“Meskipun terdapat pilihan dengan kos lebih rendah, kekangan kewangan masih menjadi halangan utama bagi ramai pasangan yang ingin mendapatkan rawatan,” katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hanani Sapit

Wanita Dayak diberi tumpuan dalam pembangunan ekonomi

Asyraf Halim

KUCHING: Usahawan wanita Dayak di Sarawak diberi perhatian khusus dalam bidang perniagaan menerusi Persidangan Keusahawanan Wanita 2025.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata usahawan wanita Dayak menghadapi cabaran unik, dan beberapa langkah proaktif telah diambil bagi mengatasi halangan tersebut.



Hanani melawat ruang pameran usahawan

Antara peserta Persidangan Keusahawanan Wanita 2025

"Wanita Dayak sering berdepan dengan pelbagai kekangan, termasuk akses terhad kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, serta sumber kewangan yang menghadkan peluang mereka dalam perniagaan.

"Kajian menunjukkan bahawa kumpulan ini masih kurang mendapat pendedahan dalam bidang keusahawanan berbanding kumpulan etnik lain," katanya dalam ucapan perasmian yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Hanani Sapit, di Dewan Perdagangan dan Perindustrian Dayak (DCCI) di sini, hari ini.

Beliau menekankan keperluan kerajaan untuk membangunkan ekosistem yang lebih inklusif agar semua wanita, tanpa mengira latar belakang, dapat mengakses peluang dan berjaya dalam perniagaan.

"Beberapa langkah yang diambil oleh Pertubuhan Rangkaian Pemerkeasaan dan Kelestarian Wanita (WESNA) Kuching dalam menyediakan latihan, program literasi kewangan, dan peluang jaringan sangat penting dalam membantu mereka terlibat secara aktif dalam ekonomi.

"Usaha seperti ini amat penting dalam memupuk penyertaan ekonomi yang mampan dalam kalangan wanita peribumi di Sarawak," jelasnya.

Nancy turut memaklumkan bahawa kementerianya terus komited dalam memperkasa usahawan wanita menerusi pelbagai dasar dan program, termasuk meningkatkan literasi kewangan, menyediakan bimbingan kepimpinan, serta memperkukuh kerjasama dengan sektor kerajaan, NGO, dan swasta.

"Salah satu inisiatif utama ialah Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) yang diperkenalkan pada tahun 2024 dengan peruntukan RM5 juta.

"Pada tahun 2025, program ini akan diperluaskan dengan sasaran 100 wanita pemimpin menerima dana sehingga RM50,000 setiap seorang, dengan jumlah penyertaan mencecah 5,000 wanita," jelasnya.

Tambahnya, Persidangan Keusahawanan Wanita 2025 dengan tema Memperkasakan Wanita dalam Kepimpinan untuk Keusahawanan merupakan inisiatif berimpak tinggi yang selaras dengan usaha nasional dan global untuk memperkasakan wanita dalam bidang perniagaan.

"Persidangan ini akan berlangsung selama dua hari, dan para peserta akan menyertai sesi perbincangan serta perkongsian ilmu yang akan melengkapkan mereka dengan pengetahuan keusahawanan.

"Mereka akan didedahkan dengan kemahiran untuk memacu landskap perniagaan yang semakin berkembang, terutamanya dalam ekonomi digital dan gig," katanya.

Beliau turut menyeru semua usahawan wanita untuk memanfaatkan peluang yang tersedia dalam persidangan ini, bertukar idea, dan menerapkan ilmu yang diperoleh untuk memajukan perniagaan mereka.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sediakan tempat selamat untuk wanita, bukan halang keluar rumah – Anfaal

Oleh Nizam Zain - 22 February 2025



Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari

KUALA LUMPUR – Kerajaan Negeri Selangor melahirkan rasa kesal dengan kenyataan sesetengah pihak yang menyatakan wanita dan kanak-kanak sepatutnya menunaikan solat hanya di rumah sahaja.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Anfaal Saari berkata, sebaliknya semua pihak perlu menyediakan persekitaran yang selamat bagi wanita dan kanak-kanak termasuk masjid, sekolah dan pejabat.

"Kita kena sediakan tempat-tempat awam yang selamat untuk wanita dan kanak-kanak dan bukannya terus menghalang mereka keluar dari rumah.

"Semoga masjid-masjid kita serta seluruh Selangor menjadi tempat selamat untuk semua termasuklah golongan kanak-kanak dan wanita," katanya dalam satu kenyataan, malam ini.

Terdahulu, media melaporkan lelaki berusia 19 tahun yang disyaki mencabul kanak-kanak perempuan ketika menunaikan solat Subuh di sebuah masjid di Batang Kali, Hulu Selangor direman tujuh hari hingga 28 Februari ini.

Lelaki warga tempatan itu direman mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Dalam pada itu, Anfaal juga meminta masyarakat untuk tidak mempunyai stigma negatif terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) susulan kes ini.

"Kad OKU tidak sentiasa mengecualikan pelaku daripada dikenakan tindakan.

"Tahap keawaran pelaku tersebut harus diuji untuk menentukan sama ada pelaku boleh membezakan baik dan buruk semasa melakukan perbuatan yang tercela ini.

"Apapun, saya percaya pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) melakukan siasatan yang baik untuk memastikan keadilan tertegak," katanya.

Selain itu, Anfaal juga menggesa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan kaunseling secara percuma kepada mangsa untuk menangani potensi trauma susulan kes ini.

"Semoga mangsa berada dalam keadaan yang sihat dan sejahtera daripada segenap aspek sama ada fizikal, mental, emosional mahupun spiritual," katanya.

Dalam pada itu, semua pihak perlu melakukan usaha untuk menjaga golongan OKU seperti itu supaya mereka tidak melakukan sesuatu yang membahayakan diri sendiri dan orang lain atas ketidakwarasan mereka.

"Insya-Allah, dengan tertubuhnya Yayasan Insan Istimewa Selangor (YANIS) pada tahun ini, Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk melebarkan lagi inisiatif untuk golongan OKU.

"Ia mencakupi juga OKU dewasa dan memberi manfaat kepada pelbagai lagi kategori OKU," katanya lagi. – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Berang diminta cerai, lelaki cekik anak, ugut pukul isteri

FMT Reporters - 22 Feb 2025, 07:15 AM

Suspek berusia 40an ditahan polis Tawau susulan laporan yang dibuat isterinya yang juga seorang jurujual berusia 39 tahun.



Menurut Ketua Polis Tawau Jasmin Hussin, suspek yang juga warga asing disiasat di bawah Seksyen 323 dan 326A Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan dan ugutan jenayah. (Gambar Facebook)

PETALING JAYA: Seorang lelaki ditahan polis selepas bertindak agresif dengan mencekik anak serta mengugut untuk memukul isterinya kerana berang dengan permohonan cerai wanita itu, dalam kejadian di Tawau petang kelmarin.

Ketua Polis Tawau, Jasmin Hussin, suspek berusia 40an ditahan susulan laporan yang dibuat mangsa yang juga seorang jurujual berusia 39 tahun.

"Suspek dikatakan bertindak sedemikian kerana tidak berpuas hati dengan permohonan cerai dan tuntutan fasakh yang dibuat isterinya.

"Suspek sering mengganggu mangsa sejak permohonan itu dikemukakan dan dalam kejadian terbaharu suspek bertindak agresif dengan mencekik anak mereka sebelum mengugut mahu mencederakannya.

"Ia menyebabkan mangsa ketakutan lalu segera membuat laporan polis bagi mendapatkan perlindungan," katanya dalam kenyataan semalam, menurut Sinar Harian.

Susulan laporan itu, suspek ditahan sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah IPD Tawau.

Jasmin berkata, lelaki yang juga warga asing itu dibawa ke IPD Tawau untuk siasatan lanjut.

"Siasatan dilakukan di bawah Seksyen 323 dan 326A Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan dan ugutan jenayah," katanya.

Katanya, polis memandang serius kes keganasan rumah tangga dan akan bertindak tegas terhadap mana-mana individu yang mengancam keselamatan ahli keluarga mereka.